

## **HUBUNGAN PENGGUNAAN SALURAN KOMUNIKASI DENGAN KUALITI HIDUP KOMUNITI ORANG ULU DI SARAWAK**

Ribka Alan<sup>1</sup>

Fakulti Sains Pertanian dan Makanan  
Universiti Putra Malaysia  
Kampus Bintulu Sarawak, Malaysia  
*ribka@upm.edu.my*

Md Salleh Hassan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
*mdsalleh@upm.edu.my*

Jusang Bolong

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia  
*jusang@upm.edu.my*

Mohd Nizam Osman

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia  
*mo\_nizam@upm.edu.my*

### **ABSTRAK**

Peningkatan kualiti hidup bagi masyarakat luar bandar merupakan agenda utama dalam perancangan pembangunan kerajaan Malaysia. Oleh itu, penyediaan dan pembangunan infrastruktur saluran komunikasi bagi masyarakat luar bandar adalah perlu. Bagi tujuan mengenal pasti hubungan penggunaan saluran komunikasi sebagai peramal kepada peningkatan kualiti hidup dalam kalangan masyarakat luar bandar, kajian telah dilakukan ke atas kumpulan sasaran masyarakat Orang Ulu di Sarawak, Malaysia. Kajian ini telah dijalankan di Daerah Belaga, Sarawak. Teknik persampelan responden adalah secara rawak. Data kajian telah dikumpul mengguna borang soal selidik berstruktur. Hasil analisis regresi berganda menunjukkan kekerapan komunikasi antara perseorangan merupakan faktor peramal kepada peningkatan kualiti pengangkutan dan perhubungan, penyertaan sosial dan keselamatan awam masyarakat Orang Ulu di Sarawak. Sementara itu, penggunaan radio merupakan antara faktor peramal kepada peningkatan kualiti penyertaan sosial, perumahan

---

<sup>1</sup> Penulis penghubung

dan alam sekitar. Penggunaan saluran televisyen merupakan faktor peramal kepada peningkatan kualiti penyertaan sosial, keselamatan awam, persekitaran pekerjaan, kehidupan keluarga, pendidikan dan pendapatan dan pengagihan. Penggunaan telefon bimbit pula dapat menjadi peramal dalam peningkatan kualiti kesihatan, alam sekitar dan pengangkutan serta perhubungan kerana telefon bimbit dapat membantu untuk mendapatkan maklumat secara tepat daripada sumber yang dipercayai. Kesimpulannya, penyediaan maklumat dalam saluran komunikasi yang pelbagai perlu menitikberatkan maklumat yang sesuai dengan keperluan semasa.

**Katakunci:** kehidupan keluarga, komunikasi antara perseorangan, kualiti hidup, pendidikan, penggunaan radio, penontonan televisyen, penyertaan sosial, saluran komunikasi

## **PENGENALAN**

Pada masa kini, pelbagai saluran komunikasi semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat kerana melalui media komunikasi, anggota masyarakat dapat diberitahu dan disedarkan tentang banyak perkara seperti wabak penyakit, bencana alam, kegiatan politik dan sebagainya. Di samping itu, media komunikasi juga dapat membekalkan maklumat yang sesuai untuk memotivasikan individu, keluarga dan masyarakat (Mus Chairil, Jamilah & Norazimah, 2011; Wan Norina, Zaharah, Ahmad, Mohamad & Ahmad Ariffin, 2013).

Kepentingan sumber maklumat dalam masyarakat kini mampu menjana idea baru, mengubah ideologi serta fahaman segenap lapisan masyarakat termasuk petani terutama di luar bandar. Penerapan idea baru melalui kekerapan penggunaan komunikasi antara perseorangan, media cetak dan media elektronik dalam pembangunan pertanian tidak dapat dinafikan dalam proses permodenan sejajar agenda kerajaan. Saluran komunikasi antara perseorangan banyak digunakan oleh kerajaan dalam menyebarkan maklumat pertanian kepada petani bagi tujuan pemodenan pertanian. Malah ia disifatkan sebagai saluran komunikasi yang amat diperlukan, dipercayai dan berkesan berbanding media massa untuk mendapat maklumat pertanian di Malaysia (Md Salleh, Sulaiman, Hayrol Azril, Mohd Shahwahid, Bahaman, Asnarulkhadi & Siti, 2011).

Menurut Maddox, Mustian dan Jenkin (2003), selain komunikasi antara perseorangan, sumber maklumat yang penting dan sesuai digunakan oleh petani adalah televisyen, radio, Internet, artikel majalah dan surat khabar terutamanya bagi negara yang besar seperti di Amerika Syarikat. Berdasarkan maklum balas petani, saluran maklumat yang penting yang dapat memberi manfaat adalah artikel majalah, keluarga, kawan, jiran, surat khabar, buletin dan brosur selain lawatan ke ladang dan mesyuarat (Maddox, Mustian & Jenkin, 2003). Media cetak seperti surat khabar pertanian dan surat khabar merupakan saluran maklumat yang banyak digunakan di Michigan (Suvedi, Campo & Lapinki, 1999; Cukur, 2013).

Saluran komunikasi juga mempunyai peranan penting dalam meningkatkan kualiti hidup. Menurut Md Salleh et al. (2011) dan Lwoga (2010), media komunikasi merupakan saluran yang tepat bagi memastikan mesej pertanian diterima dan membolehkan masyarakat luar bandar membuat keputusan terutama maklumat pertanian. Kualiti hidup adalah sesuatu perasaan yang menyebabkan seseorang berasa seronok, bahagia dan merasakan hidup lebih bermakna (Siti Fatimah, 2005; Renwick, 2006). Muhamad Fadhil (2003), pula menjelaskan kualiti hidup merupakan suatu keadaan hidup yang selamat, sihat dan selesa baik secara fizikal, sosial mahupun psikologi yang amat penting dalam kehidupan manusia.

Merujuk kepada Unit Perancang Ekonomi (1999), konsep kualiti hidup melibatkan perubahan yang dialami di dalam sesuatu kumpulan masyarakat terutamanya kepada sistem sosial yang berubah kepada keadaan lebih baik. Manakala The World (2005) pula menyatakan terdapat sembilan indikator dalam menentukan kualiti hidup iaitu keselesaan kebendaan, kesihatan, kestabilan politik dan keselamatan, kehidupan keluarga, kehidupan komuniti, cuaca dan geografi, keselamatan pekerja, kebebasan bersuara dan kesamaan jantina.

Kualiti hidup individu yang dihasratkan di Malaysia seperti yang digariskan oleh Unit Perancang Ekonomi (2002), adalah kehidupan yang maju, sihat, kepuasan dan nikmat kebebasan yang diperoleh melalui pengetahuan dan taraf hidup yang melebihi keperluan asas dan kesejahteraan psikologi individu dalam sosial masyarakat. Kualiti hidup juga merupakan satu tahap kesejahteraan dan keselesaan yang diperoleh oleh seseorang dalam kehidupannya yang meliputi aspek pemakanan, pendidikan, kesihatan, perumahan, nilai estetika dan sebagainya (Burnell & Galster, 1992) yang menunjukkan perubahan untuk menjadi bertambah baik.

Selain daripada itu, kualiti hidup masyarakat kini dipengaruhi oleh faktor atribut individu, perubahan sosial dan struktur komuniti secara menyeluruh (Pollnac, Pameroy & Harkes, 2001; Binkley, 2002; Gatewood & Steed, 1990). Menurut Li (2006) kualiti hidup yang dinilai di China berdasarkan lima domain kehidupan yang merujuk kepada kesihatan, keluarga, hubungan sosial, pekerjaan dan alam sekitar sebagai penentu tahap kualiti hidup. Selain daripada itu, pemboleh ubah yang dikenal pasti sebagai ukuran ialah faktor pendapatan, pendidikan, kesihatan, perumahan, pengangkutan, komunikasi, keamanan dan keselamatan, keluarga, persekitaran kerja dan penyertaan sosial sebagai peramal kepada kualiti hidup (Calvert & Henderson, 2000; Polnac et al., 2001; Norizan, 2003).

Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) pada tahun 2004, telah menggariskan sepuluh aspek kualiti hidup yang perlu dijadikan ukuran iaitu pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja, pengangkutan dan perhubungan, pendidikan, perumahan, alam sekitar, kehidupan keluarga, penyertaan sosial, keselamatan awam dan budaya dan masa lapang. Kajian yang

dilakukan oleh Sulaiman, Hayrol, Md Salleh, Mohd Shahwahid, Bahaman, Asnarulkhadi dan Siti (2011), telah mengguna tujuh aspek pengukuran kualiti hidup bagi penduduk di kawasan sekitar Sungai Pahang dan Sungai Muar iaitu hubungan sosial, keadaan rumah, keselamatan di kawasan, pendidikan, persekitaran fizikal, kewangan dan keselamatan kerja dan kemudahan infrastruktur.

Mohd Shaladdin Muda, Wan Abdul Aziz dan Nim Wan Omar (2006) meletakkan bahawa peranan komuniti penting sebagai perantaraan dalam menilai kesejahteraan kualiti hidup nelayan pesisir. Oleh itu, kajian ini dilaksana untuk mengenal pasti kesan peranan komuniti sebagai pemboleh ubah kawalan terhadap hubungan penggunaan saluran komunikasi dan kualiti hidup komuniti Orang Ulu. Mohd Yusof, Mohamad Shahrudin, Suraiya dan Abd. Hair (2011) turut memetik Sheau (2006) bahawa komuniti yang menyerlah dan bersatu padu akan sentiasa dikaitkan dengan norma saling mempercayai dan saling bantu- membantu antara jiran.

Teori Difusi Inovasi yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan maklumat yang diterima dengan mengambil kira faktor tarikan saluran komunikasi, masa dan sistem sosial dalam masyarakat luar bandar (Rogers, 2003). Selain Teori Difusi Inovasi, Teori Hierarki Keperluan Maslow turut diberi penekanan untuk kajian ini yang melibatkan kualiti hidup yang merangkumi keperluan fisiologi, keselamatan, sosial, penghargaan dan pencapaian sendiri (Maslow, 1943; Ku Ahmad Fataksya, 2013; Siti Norain & Suhaida, 2013). Seterusnya, tahap kepuasan masyarakat Orang Ulu juga akan di lihat berdasarkan indikator kualiti hidup yang dipilih dan bersesuaian dengan kawasan kajian tersebut.

Kajian ini memberi fokus untuk memahami kualiti hidup komuniti Orang Ulu terutamanya dari segi penggunaan saluran komunikasi. Ini kerana kebanyakan kajian terdahulu lebih berfokus kepada kualiti hidup di bandar berbanding di luar bandar lebih-lebih lagi komuniti Orang Ulu tentang kesan saluran penggunaan komunikasi dan hubungannya dengan kualiti hidup (Novel, Bustami & Salfarina, 2011; Kwok Chin & Haris Abd, 2014).

## **METODOLOGI**

Kajian ini mengguna kaedah survei melalui temu bual bersemuka dengan responden. Sebanyak 356 responden daripada populasi kajian 4,826 orang kampung dipilih. Menurut Babbie (2007), kaedah survei merupakan teknik yang sesuai diguna jika melibatkan populasi yang besar kerana proses ini bersifat langsung dalam memerihal keadaan sebenar sesebuah populasi. Kaedah kajian juga mengambil kira penggunaan soalan dalam borang soal selidik berstruktur yang memerlukan teknik persampelan secara sistematik dan lebih praktikal. Kaedah pemilihan sampel kajian yang dilaksana adalah secara rawak. Sampel kajian terdiri

daripada penduduk yang tinggal di kawasan Penempatan Semula Asap Koyan, Belaga, Bahagian Kapit, Sarawak.

Pemboleh ubah bebas yang digunakan dalam kajian ini adalah komunikasi antara perseorangan, radio, televisyen dan telefon bimbit, manakala 10 aspek kualiti hidup yang merangkumi pendapatan dan pengagihan, pendidikan, kesihatan, kehidupan keluarga, persekitaran pekerjaan, perumahan, alam sekitar, pengangkutan dan perhubungan, penyertaan sosial dan keselamatan awam dijadikan pemboleh ubah bersandar.

Pengoperasionalan terperinci bagi setiap pemboleh ubah bebas adalah seperti berikut:

- i. Komunikasi antara perseorangan terdiri daripada tujuh individu yang dikenal pasti iaitu pegawai pertanian, orang tengah, penjual produk pertanian, petani maju, rakan, sanak-saudara dan jiran (Djojomartono & Pertiwi, 1998; Md Salleh et al., 2011; Okwu & Daudu, 2011). Pengoperasionalan ini berdasarkan kepada waktu, maklumat dan purata masa yang diukur pada tahap nominal. Soalan kekerapan perjumpaan dalam tempoh setahun yang lalu diukur pada tahap ratio. Oleh itu, komunikasi antara perseorangan dapat diukur dengan 35 item.
- ii. Seterusnya saluran media massa yang diguna adalah saluran radio seperti SibuFM, WaiFM, Klasik NasionalFM, RedFM, SarawakFM CatsFM dan lain-lain, dan saluran televisyen seperti RTM, Media Prima, ASTRO (Irfan, Muhammad, Ali Khan & Asif, 2006; Md Salleh, Musa, Bahaman, Narimah & Hayrol Azril, 2008; Azimi & Hayrol, 2009; Hayrol, Md Salleh & Bahaman, 2009). Pengoperasionalan ini berdasarkan kepada waktu, tempat, maklumat dan purata masa yang diukur pada tahap nominal. Soalan kekerapan mendengar radio dalam seminggu diukur pada tahap ratio. Saluran radio yang dipilih berdasarkan kebolehcapaiannya di kawasan responden di dalam kajian ini. Berdasarkan operasional ini, pengukuran radio dapat diukur dengan 35 item dan televisyen 20 item.

Pemboleh ubah bersandar yang ketiga adalah penggunaan telefon bimbit seperti membuat dan menerima panggilan telefon, menghantar dan menerima SMS dan lain-lain (van Djik, 2006; Siti Ezaleila & Azizah, 2011). Pengoperasionalan ini berdasarkan kepada waktu, tempat, maklumat dan purata masa yang diukur pada tahap nominal. Soalan kekerapan penggunaan khidmat tersebut dalam tempoh seminggu diukur pada skala Likert. Pengukuran telefon bimbit dapat diukur dengan 15 item.

Pemboleh ubah bagi kualiti hidup masyarakat Orang Ulu di Sarawak telah diubah suai mengikut keperluan semasa dan kawasan kajian. Dalam kajian ini, indikator yang terpilih adalah berdasarkan yang digariskan oleh Unit Perancang Ekonomi (2011) dan Azahan Awang (2006).

Instrumen kajian yang digunakan adalah seperti dalam Jadual 1. Data yang telah dikumpul melalui borang soal selidik telah dianalisis mengguna kaedah statistik regresi pelbagai bagi mengenal pasti hubungan antara penggunaan saluran komunikasi dengan kualiti hidup komuniti Orang Ulu di Sarawak. Ujian kebolehpercayaan menunjukkan keseluruhan instrumen memperoleh nilai Alfa Cronbach 0.70 ke atas (Jadual 1). Ini menunjukkan kesemua instrumen ini boleh diguna pakai untuk tujuan kajian ini.

Jadual 1: Tahap kebolehpercayaan instrumen kajian sebelum dan selepas pengumpulan data

Item	Prakajian		Kajian sebenar	
	Jumlah Item	Nilai Cronbach Alpha	Jumlah Item	Nilai Cronbach Alpha
<i>Pemboleh ubah bebas</i>				
Komunikasi antara perseorangan	35	0.729	35	0.706
Radio	35	0.706	35	0.746
Televisyen	20	0.710	20	0.733
Telefon Bimbit	15	0.718	15	0.724
<i>Pemboleh ubah bersandar</i>				
Pendapatan dan Pengagihan	8	0.772	8	0.740
Kesihatan	17	0.807	12	0.700
Pendidikan	15	0.816	15	0.829
Kehidupan Keluarga	9	0.896	9	0.837
Persekitaran Kerja	8	0.898	8	0.725
Perumahan	18	0.783	18	0.850
Alam sekitar	9	0.847	9	0.739
Pengangkutan dan Perhubungan	9	0.760	9	0.729
Penyertaan Sosial	13	0.785	13	0.804
Keselamatan Awam	9	0.710	7	0.734
<i>Pemboleh ubah kawalan</i>				
Peranan Komuniti	15	0.855	15	0.726

### Analisis Regresi

Hasil kajian analisis regresi ini merangkumi empat komponen saluran penggunaan komunikasi untuk menilai sumbangan saluran komunikasi kepada kualiti hidup komuniti tersebut. Sebanyak sepuluh hipotesis telah dibentuk untuk menjelaskan hubungan saluran komunikasi dengan kualiti hidup masyarakat yang dikaji.

H1: Komunikasi antara perseorangan, penontonan televisyen, penggunaan radio dan penggunaan telefon bimbit merupakan faktor peramal kepada perubahan jumlah pendapatan.

Hasil kajian menunjukkan penontonan televisyen merupakan faktor penyumbang kepada perubahan jumlah pendapatan masyarakat Orang Ulu di Sarawak (Jadual 2). Pemboleh ubah lain, iaitu komunikasi antara perseorangan, radio dan telefon bimbit bukan merupakan faktor penyumbang bagi jumlah pendapatan masyarakat Orang Ulu di Sarawak.

Jadual 2: Hubungan penggunaan saluran komunikasi dengan pendapatan dan pengagihan

Faktor	R <sup>2</sup> adjusted	R <sup>2</sup> perubahan	Beta	Nilai t	Signifikan
Televisyen	.097	.099	.315	6.242	.000*
Komunikasi antara perseorangan			.012	.230	.818
Radio			.016	.289	.773
Telefon Bimbit			.051	.944	.346

\*Signifikan pada aras 0.05(F=38.963, p<0.05; R<sup>2</sup> adjusted=0.097)

Menonton televisyen menyumbang sebanyak 9.9 peratus varians (R=0.099) dalam pendapatan masyarakat Orang Ulu di Sarawak (Jadual 2). Ini bererti penontonan televisyen ( $\beta=0.315$ ,  $p<0.05$ ) merupakan petunjuk utama yang menyebabkan jumlah pendapatan responden semakin baik. Semakin kerap responden menonton saluran televisyen yang berkaitan pendapatan dan pengagihan, maka semakin banyak maklumat yang diperoleh untuk meningkatkan jumlah pendapatan mereka.

Televisyen merupakan media massa yang paling berkesan untuk menyampaikan maklumat pertanian kepada komuniti petani (Irfan et al., 2006). Menurut Md Salleh et al. (2008) para petani memerlukan televisyen bagi mendapat maklumat berkaitan cuaca, mencari maklumat berkaitan ICT dan pasaran pertanian. Melalui televisyen, maklumat yang diketahui berkaitan dengan harga pasaran kelapa sawit, lada hitam dan koko lebih dipercayai dan ini membantu dalam pekerjaan seharian mereka.

H2: Komunikasi antara perseorangan, penontonan televisyen, penggunaan radio dan penggunaan telefon bimbit merupakan faktor peramal kepada perubahan kesihatan.

Analisis data regresi menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan antara penggunaan telefon bimbit, penontonan televisyen dengan perubahan kesihatan pada tahap  $\alpha=0.05$  (Jadual 3). Apabila masyarakat Orang Ulu mengguna telefon bimbit sebagai saluran berkomunikasi untuk menyampaikan dan berkongsi maklumat kesihatan, maka berlaku peningkatan kualiti hidup mereka sebanyak 4.1 peratus. Walaupun peningkatan ini secara relatifnya rendah tetapi

signifikan. Seterusnya apabila penduduk menonton rancangan kesihatan di kaca televisyen, perubahan kualiti kesihatan responden meningkat sebanyak 3.6 peratus (7.7%– 4.1%). Oleh itu, gabungan penggunaan telefon bimbit dan penontonan televisyen dalam kehidupan seharian masyarakat Orang Ulu meningkatkan tahap kualiti hidup mereka.

Jadual 3: Hubungan penggunaan saluran komunikasi dengan kesihatan

Faktor	R <sup>2</sup> adjusted	R <sup>2</sup> perubahan	Beta	Nilai t	Signifikan
Telefon bimbit	.099	.041	-0.203	-3.905	.000*
Televisyen	0.70	.077	0.198	3.622	.000*
Komunikasi antara perseorangan			.036	.657	.511
Radio			.023	.417	.677

\*Signifikan pada aras 0.05(F=14.445, p<0.05; R<sup>2</sup> adjusted=0.070)

Penggunaan telefon bimbit dan penontonan televisyen di kawasan luar bandar telah memudahkan penduduk setempat mendapat maklumat yang berkaitan dengan isu kesihatan. Kemudahan penggunaan telefon semakin meningkat dan ini memberi peluang mereka yang tinggal di kawasan pedalaman mendapatkan akses (Gupta, 2005). Kemudahan ini turut menyumbang ke arah membangunkan hubungan petani dengan orang lain termasuk pakar pembangunan. Selain daripada itu, kemudahan talian bantuan juga merupakan mekanisme untuk mendapat maklumat atau mengetahui masalah rakyat dengan mengguna talian bebas tol (Ariyo, Ariyo, Okelola, Aasa, Awotide, Aaron & Oni, 2013).

H3: Komunikasi antara perseorangan, penontonan televisyen, penggunaan radio dan penggunaan telefon bimbit merupakan faktor peramal kepada persepsi terhadap kualiti pendidikan.

Jadual 4 menunjukkan penontonan televisyen, penggunaan radio dan komunikasi antara perseorangan merupakan faktor penyumbang kepada kualiti pendidikan masyarakat Orang Ulu. Penontonan televisyen menyumbang kepada kualiti pendidikan dengan perubahan kualiti pendidikan sebanyak 1.7 peratus daripada varians (R=0.017) dalam kalangan responden. Ini bermakna penontonan televisyen ( $\beta=0.131$ ,  $p<0.05$ ) merupakan penyumbang utama kepada kualiti pendidikan. Kombinasi antara kedua-dua pemboleh ubah penontonan televisyen ( $\beta=0.201$ ,  $p<0.05$ ) dan penggunaan radio ( $\beta=-0.198$ ,  $p<0.05$ ) menyumbang kepada kualiti pendidikan yang meningkat kepada 22.6 peratus iaitu peningkatan sebanyak 3.4 peratus (5.1-1.7=3.4%).



Jadual 4: Hubungan penggunaan saluran komunikasi dengan pendidikan

Faktor	R <sup>2</sup> adjusted	R <sup>2</sup> perubahan	Beta	Nilai t	Signifikan
Televisyen	.014	.017	.131	2.482	.014*
Radio	.046	.051	-.198	3.629	.000*
Komunikasi antara perseorangan	.055	.063	.298	2.104	.036*
Telefon Bimbit			.024	.431	.667

\*Signifikan pada aras 0.05(F=7.891, p<0.05; R<sup>2</sup> adjusted=0.055)

Seterusnya, kombinasi antara penontonan televisyen ( $\beta=0.192$ ,  $p=0.05$ ), penggunaan radio ( $\beta=-0.472$ ,  $p<0.05$ ), komunikasi antara perseorangan ( $\beta=0.298$ ,  $p<0.05$ ) menunjukkan hubungan yang signifikan pada aras 0.05 dengan pendidikan responden. Kombinasi ketiga-tiga saluran komunikasi ini telah menyumbang sebanyak 6.3 peratus ( $R^2=0.063$ ) terhadap perubahan varians dalam pendidikan dengan peningkatan sebanyak 1.2% ( $6.3-5.1\%=1.2\%$ ).

Radio dan televisyen digambarkan mempunyai nilai kekuatan penyebaran maklumat yang baik (Okwu & Daudu, 2011). Radio sangat popular untuk tujuan hiburan dan juga perubahan sikap (Ray, 2003) selain memainkan peranan dalam penyebaran teknologi (Ejemi, Omoregbee & Ejemi, 2006; Pratap & Ponnusamy, 2006). Televisyen pula merupakan medium elektronik yang penting dalam penerapan teknologi (Bhattcharjee, 2005). Potensi televisyen untuk penyebaran maklumat perlu dimanfaatkan untuk kepentingan petani (Nazari & Md Salleh, 2011). Dengan kata lain, menonton rancangan televisyen, mendengar saluran radio dan berkomunikasi dengan individu lain penting untuk mendapat maklumat yang dapat meningkatkan taraf pendidikan mereka.

H4: Komunikasi antara perseorangan, penontonan televisyen, penggunaan radio dan penggunaan telefon bimbit merupakan faktor peramal kepada perubahan kehidupan keluarga.

Keputusan analisis data menunjukkan bahawa hanya satu faktor sahaja, iaitu penontonan televisyen merupakan faktor penyumbang bagi kehidupan keluarga masyarakat Orang Ulu di Sarawak (Jadual 5). Secara signifikannya, televisyen menyumbang sebanyak 2.5 peratus varians ( $R^2=0.025$ ) dalam kehidupan keluarga masyarakat Orang Ulu di Sarawak. Ini bererti bahawa televisyen ( $\beta=0.159$ ,  $p<0.05$ ) merupakan petunjuk utama yang menyebabkan hubungan kehidupan keluarga dalam kalangan responden kajian semakin baik. Ini dapat dikaitkan dengan jenis maklumat utama yang ditonton oleh masyarakat Orang Ulu iaitu maklumat kerajaan (dasar pembangunan), sukan dan rekreasi dan lain-lain (hiburan) yang boleh mengumpul dan merapatkan hubungan anggota keluarga dengan bersama-sama menonton rancangan tersebut.

Jadual 5: Hubungan penggunaan saluran komunikasi dengan kehidupan keluarga

Faktor	R <sup>2</sup> adjusted	R <sup>2</sup> perubahan	Beta	Nilai t	Signifikan
Televisyen	.23	.025	.159	3.036	.003*
Komunikasi antara perseorangan			.059	.044	.297
Radio			.037	0.665	.506
Telefon bimbit			.860	1.546	.123

\*Signifikan pada aras 0.05(F=9.220, p<0.05; R<sup>2</sup> adjusted=0.23)

Saluran komunikasi terutamanya televisyen telah memaparkan pelbagai program dan informasi. Misalnya RTM mempunyai jabatan sendiri yang menumpukan kepada penerbitan rancangan pertanian dan Media Prima melalui stesyen NTV7 pernah menerbitkan rancangan pertanian SEED?. Manakala rancangan dokumentari terkenal Majalah Tiga menyiarkan maklumat tentang teknologi serta produk pertanian terbaru pertanian. ASTRO yang juga sebuah stesen televisyen telah menawarkan pelbagai sumber maklumat, kebanyakan adalah program luar negara (Md. Salleh, Hayrol Azril, Musa, Bahaman & Sham, 2009). Kepelbagaian program sebegini membolehkan hubungan kekeluargaan semakin akrab dan mesra melalui penontonan bersama dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup keluarga responden.

H5: Komunikasi antara perseorangan, penontonan televisyen, penggunaan radio dan penggunaan telefon bimbit merupakan peramal kepada perubahan persekitaran pekerjaan.

Analisis data menunjukkan hanya satu faktor sahaja, iaitu penontonan televisyen merupakan faktor penyumbang bagi persekitaran pekerjaan masyarakat Orang Ulu di Sarawak (Jadual 6). Televisyen, secara signifikan telah menyumbang sebanyak 1.4 peratus varians (R<sup>2</sup>=0.014) dalam persekitaran pekerjaan masyarakat Orang Ulu di Sarawak. Ini bererti bahawa televisyen ( $\beta=0.118$ , p<0.05) merupakan petunjuk utama yang menyebabkan persekitaran pekerjaan di kawasan responden kajian semakin baik.

Jadual 6: Hubungan penggunaan saluran komunikasi dengan persekitaran pekerjaan

Faktor	R <sup>2</sup> adjusted	R <sup>2</sup> perubahan	Beta	Nilai t	Signifikan
Televisyen	.011	.014	.118	10.443	.027*
Komunikasi antara perseorangan			.021	.374	.708
Radio			.062	1.098	.273
Telefon bimbit			-.067	-1.181	.238

\*Signifikan pada aras 0.05(F=4.957, p<0.05; R<sup>2</sup> adjusted=0.011)

Berdasarkan kajian ini, apabila masyarakat Orang Ulu kerap menonton rancangan televisyen terutamanya apabila responden menonton maklumat kerajaan (dasar kerajaan) yang merangkumi pelbagai isu semasa maka responden menjadi peka tentang keadaan persekitaran pekerjaan di kawasan mereka. Keadaan persekitaran yang baik dapat membantu responden mengharungi kehidupan dengan mencipta strategi kehidupan bagi mencapai kualiti hidup yang lebih baik serta meningkatkan keupayaan untuk mengatasi masalah sosial (Bebington, 1999; Nathen, Selvaratham & Norlaila, 2011).

H6: Komunikasi antara perseorangan, penontonan televisyen, penggunaan radio dan penggunaan telefon bimbit merupakan peramal kepada perubahan perumahan.

Hasil kajian menunjukkan penggunaan radio menyumbang kepada perubahan perumahan yang lebih baik dan selesa untuk didiami. Ini kerana radio menjadi salah satu saluran komunikasi yang memberi kesan signifikan kepada masyarakat luar bandar dalam mendapatkan maklumat yang lebih dipercayai. Berdasarkan hasil kajian ini penggunaan radio menyumbang sebanyak 1.6 peratus varians ( $R^2=0.016$ ). Ini bererti bahawa penggunaan radio ( $\beta=0.128$ ,  $p<0.05$ ) merupakan petunjuk utama yang menyebabkan perumahan responden semakin selesa. Dapatan kajian ini menunjukkan keperluan fisiologi dalam Teori Hierarki Keperluan Maslow di mana kepuasan pemilik kediaman ditentukan apabila keperluan perumahan individu dipenuhi seperti kualiti rumah dan lokasi rumah.

Jadual 7: Hubungan penggunaan saluran komunikasi dengan perumahan

Faktor	R <sup>2</sup> adjusted	R <sup>2</sup> perubahan	Beta	Nilai t	Signifikan
Radio	.014	.016	.128	2.423	.016*
Komunikasi antara perseorangan			-.280	-1.944	.053
Televisyen			.084	1.496	.135
Telefon bimbit			-.009	-.156	.876

\*Signifikan pada aras 0.05 ( $F=5.869$ ,  $p<0.05$ ;  $R^2$  adjusted=0.014)

Hasil kajian ini membuktikan bahawa radio merupakan media komunikasi yang mampu dimiliki oleh sesiapa saja kerana ia terdapat dalam pelbagai bentuk dan aplikasi dan penggunaannya boleh dicapai hampir di mana sahaja (Mahat Jamal, 2015). Kegemaran mendengar radio bergantung kepada satu kaum atau budaya mengikut jantina dan waktu puncak (Azimi Hamzah & Hayrol Azril, 2009). Radio sangat berguna untuk melaporkan berita seperti pengumuman rumah mampu milik, pinjaman perumahan, bencana alam dan kemalangan, kempen galakan dan promosi, pemberian subsidi baja, harga pasaran tanaman komersil oleh kerajaan dan agensi pertanian.

H7: Komunikasi antara perseorangan, penonton televisyen, penggunaan radio dan penggunaan telefon bimbit merupakan peramal kepada perubahan alam sekitar.

Keputusan analisis data dalam Jadual 8 menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan antara penggunaan radio dan telefon bimbit dengan perubahan alam sekitar pada tahap  $\alpha=0.05$  iaitu radio ( $\alpha=0.000$ ) dan telefon bimbit ( $\alpha=0.007$ ).

Jadual 8: Hubungan penggunaan saluran komunikasi dengan alam sekitar

Faktor	R <sup>2</sup> adjusted	R <sup>2</sup> perubahan	Beta	Nilai t	Signifikan
Radio	.056	.056	.237	4.590	.000*
Telefon Bimbit	.070	.075	-.148	-2.698	.007*
Komunikasi antara perseorangan			.071	.501	.617
Televisyen			.023	.424	.672

\*Signifikan pada aras 0.05(F=14.362, p<0.05; R<sup>2</sup> adjusted=0.070)

Penggunaan radio dalam kalangan masyarakat Orang Ulu sebagai salah satu saluran komunikasi untuk mencari maklumat alam sekitar, dapat meningkatkan kualiti alam sekitar mereka sebanyak 5.6 peratus. Walaupun peningkatan itu rendah, tetapi masih signifikan kerana penggunaan radio masih menjadi pilihan utama untuk mendapat maklumat tentang perubahan alam sekitar. Apabila penduduk menggunakan telefon bimbit, untuk mencari maklumat tentang alam sekitar, perubahan kualiti alam sekitar mereka sejumlah 1.9 peratus varians (R<sup>2</sup>=0.019). Oleh itu gabungan penggunaan radio dan telefon bimbit dapat meningkatkan perubahan kualiti alam sekitar mereka sebanyak 7.5 peratus varians.

Saluran komunikasi media massa memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat dan pengetahuan kepada masyarakat. Kajian yang dilakukan oleh Mohd. Azlan, Noraziah, Junaidi, Rosniza, Siri Khatijah dan Zuriatun (2012) mendapati media elektronik seperti televisyen dan radio merupakan saluran utama responden di kawasan kajian mendapatkan pelbagai maklumat tentang alam sekitar. Hal ini membuktikan bahawa media massa penting dalam kehidupan manusia dan mampu bertindak sebagai pengganda sumber daya pengetahuan. Media massa berperanan sebagai alat komunikasi untuk menyampaikan maklumat kepada komuniti agar komuniti lebih peka kepada persekitaran yang sentiasa berubah dan mampu membuat adaptasi dan mitigasi terhadap perubahan tersebut.

H8: Komunikasi antara perseorangan, penonton televisyen, penggunaan radio dan penggunaan telefon bimbit merupakan faktor peramal kepada perubahan pengangkutan dan perhubungan.

Keputusan analisis data menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas pada tahap  $\alpha=0.05$  bagi komunikasi antara perseorangan dan telefon bimbit (Jadual 9).

Jadual 9: Hubungan penggunaan saluran komunikasi dengan pengangkutan dan perhubungan

Faktor	R <sup>2</sup> adjusted	R <sup>2</sup> perubahan	Beta	Nilai t	Signifikan
Komunikasi antara perseorangan	.031	.034	-.185	-3.532	.000*
Telefon Bimbit	.056	.061	.175	3.210	.001*
Radio			.003	.024	.981
Televisyen			.024	.431	.666

\*Signifikan pada aras 0.05(F=11.555, p<0.05; R<sup>2</sup> adjusted=0.056)

Komunikasi antara perseorangan menyumbang sebanyak 3.4 peratus varians (R<sup>2</sup>=0.034) dalam pengangkutan dan perhubungan masyarakat Orang Ulu di Sarawak. Ini bererti komunikasi antara perseorangan ( $\beta=-0.185$ , p<0.05) merupakan peramal utama kepada pengangkutan dan perhubungan di kawasan mereka (Jadual 9). Kombinasi komunikasi antara perseorangan ( $\beta=-0.240$ , p<0.05) dan telefon bimbit ( $\beta=0.175$ , p<0.05) bertambah sebanyak (6.1–3.4%) peratus atau 2.7 peratus kepada varians (R=0.061) dalam perubahan pengangkutan dan perhubungan.

Menurut Malhan dan Rao, (2007) penggunaan telefon bimbit merupakan salah satu bentuk komunikasi yang canggih dan pantas untuk pertukaran maklumat dalam kalangan masyarakat tani. Teknologi telefon bimbit telah menyediakan faedah multidimensi kepada masyarakat luar bandar dan membantu dalam interaksi, akses dan pertukaran maklumat yang cepat atau tepat pada masanya.

H9: Komunikasi antara perseorangan, penontonan televisyen, penggunaan radio dan penggunaan telefon bimbit merupakan peramal kepada perubahan penyertaan sosial.

Jadual 10, menunjukkan hubungan yang signifikan antara perubahan penyertaan sosial dengan keempat-empat saluran komunikasi tersebut. Hasil dapatan kajian menolak hipotesis nul dan melaporkan bahawa secara keseluruhan, kesemua saluran komunikasi ini menyumbang sebanyak 22.3 peratus (r=0.47) perubahan varians.

Jadual 10: Hubungan penggunaan saluran komunikasi dengan penyertaan sosial

Faktor	R <sup>2</sup> adjusted	R <sup>2</sup> perubahan	Beta	Nilai t	Signifikan
Telefon bimbit	.127	.130	.360	7.267	.000*
Televisyen	.184	.188	.258	5.037	.000*
Komunikasi antara perseorangan	.195	.201	.126	2.417	.016*
Radio	.215	.223	-.414	-3.150	.002*

\*Signifikan pada aras 0.05(F=25.236, p<0.05; R<sup>2</sup> adjusted=0.215)

Hasil kajian menunjukkan penggunaan telefon bimbit menyumbang kepada penyertaan sosial sebanyak 13.0 peratus daripada varians ( $R^2=0.360$ ). Ini bermakna telefon bimbit ( $\beta=0.360$ ,  $p<0.05$ ) merupakan penyumbang kepada penyertaan sosial. Kombinasi antara penggunaan telefon bimbit ( $\beta=0.270$ ,  $p<0.05$ ) dan penontonan televisyen ( $\beta=0.258$ ,  $p<0.05$ ) menyumbang kepada penyertaan sosial dengan peningkatan sebanyak 5.8 peratus ( $18.8-13.0=5.8\%$ ) menjadikan 43.6 peratus.

Selain penggunaan telefon bimbit ( $\beta=0.242$ ,  $p<0.05$ ), penontonan televisyen ( $\beta=0.222$ ,  $p<0.05$ ) dan komunikasi antara perseorangan ( $\beta=0.126$ ,  $p>0.05$ ) juga menunjukkan hubungan yang signifikan dengan penyertaan sosial. Kombinasi ketiga-tiga pemboleh ubah itu menyumbang sebanyak 20.1 peratus ( $R^2=0.449$ ) perubahan varians dalam penyertaan sosial.

Kombinasi antara penggunaan telefon bimbit ( $\beta=0.272$ ,  $p=0.05$ ), penontonan televisyen ( $\beta=0.224$ ,  $p<0.05$ ), komunikasi antara perseorangan ( $\beta=0.501$ ,  $p<0.05$ ) dan penggunaan radio ( $\beta=-0.414$ ,  $p>0.05$ ) menunjukkan hubungan yang signifikan dengan penyertaan sosial. Kombinasi keempat-empat angkubah itu telah menyumbang sebanyak 22.3 peratus ( $R^2=0.473$ ) terhadap perubahan varians dalam penyertaan sosial yang menunjukkan peningkatan sebanyak 2.2% ( $22.3-20.1\%=2.2\%$ ).

Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan telefon bimbit, penontonan televisyen, komunikasi antara perseorangan dan penggunaan radio merupakan saluran utama responden di kawasan kajian bagi mendapatkan pelbagai maklumat tentang penyertaan sosial. Penggunaan telefon bimbit dalam kalangan responden memudahkan mereka berhubung antara satu sama lain untuk menyampaikan maklumat dalam setiap aktiviti sosial. Menurut Ariyo et al. (2013) telefon bimbit merupakan teknologi pelbagai fungsi kepada masyarakat luar bandar dan membantu dalam interaksi, mudah untuk dicapai dan berubah cepat mengikut peredaran masa. Hasil kajian ini juga konsisten dengan kajian Md Salleh et al. (2011) dan Opara (2008) bahawa komunikasi antara perseorangan merupakan sumber maklumat yang boleh dipercayai dan televisyen masih relevan bagi mereka kerana ciri televisyen boleh di tonton, di dengar dan mudah difahami. Walaupun semakin banyak saluran komunikasi baru yang diperkenalkan pada masa sekarang, tetapi penggunaan radio masih relevan di kawasan kajian ini kerana ia murah, cepat dan mendapat liputan yang luas. Menurut Dhaliwal, Lopamudra dan Dhaliwal (2011) radio merupakan alat yang paling murah, cepat dan dapat menguasai audien untuk permulaan sesuatu proses komunikasi.

H10: Komunikasi antara perseorangan, penontonan televisyen, penggunaan radio dan penggunaan telefon bimbit merupakan peramal kepada perubahan keselamatan awam

Keputusan analisis data menunjukkan bahawa terdapat perhubungan yang signifikan antara angkubah bersandar dengan angkubah bebas pada tahap  $\alpha=0.05$  iaitu komunikasi antara perseorangan dan televisyen (Jadual 11). Komunikasi antara perseorangan mempunyai hubungan yang signifikan dengan 7.7 peratus varians ( $R=0.077$ ) dalam keselamatan awam masyarakat Orang Ulu di Sarawak. Ini bererti bahawa komunikasi antara perseorangan ( $\beta=0.278$ ,  $p<0.05$ ) merupakan petunjuk utama yang menyebabkan responden kajian semakin berpuas hati dengan keadaan keselamatan awam di kawasan mereka. Kombinasi komunikasi antara perseorangan ( $\beta=0.026$ ,  $p<0.05$ ) dan penontonan televisyen ( $\beta=0.049$ ,  $p<0.05$ ) menyumbang sebanyak (9.1–7.7%) peratus atau 1.4 peratus kepada varians ( $R=0.302$ ) dalam persepsi terhadap keselamatan awam.

Jadual 11: Hubungan penggunaan saluran komunikasi dengan keselamatan awam

Faktor	R <sup>2</sup> adjusted	R <sup>2</sup> perubahan	Beta	Nilai t	Signifikan
Komunikasi antara perseorangan	.074	.077	.278	5.435	.000*
Televisyen	.086	.091	.049	2.337	.020*
Radio			-.054	-.386	.700
Televisyen			.039	.731	.465

\*Signifikan pada aras 0.05 ( $F=17.688$ ,  $p<0.05$ ;  $R^2$  adjusted=0.086)

Hasil kajian menunjukkan bahawa responden seringkali berhubung dengan rakan, sanak saudara dan jiran untuk mendapat maklumat tentang isu keselamatan awam. Ini selari dengan kajian Dominic dan Osman (2014) yang berpendapat kebanyakan responden mendapat maklumat dari kawan, sanak saudara dan jiran. Begitu juga Chisenga, Entsua dan Sam (2007) mendapati kebanyakan petani memperoleh maklumat dan pengetahuan dari Persatuan Peladang, diikuti rakan-rakan petani, kawan, sanak saudara dan jiran. Begitu juga dengan kekerapan penontonan televisyen di mana responden boleh mendapat dan mengetahui maklumat berkaitan isu keselamatan awam. Kajian yang telah dilakukan oleh Abu Hassan, Hassan, Shaffril dan Jeffrey (2009) ke atas penggunaan media komunikasi massa dalam kalangan komuniti petani di luar bandar mendapati majoriti daripada mereka masih bergantung kepada media massa tradisi seperti televisyen, suratkhbar dan radio selain menjadi sumber utama untuk mendapat maklumat pertanian.

## RUMUSAN DAN CADANGAN

Hasil kajian analisis regresi menunjukkan kekerapan komunikasi antara perseorangan merupakan faktor penyumbang kepada peningkatan kualiti pengangkutan dan perhubungan, penyertaan sosial dan keselamatan awam dalam kalangan masyarakat Orang Ulu di Sarawak. Sementara itu, penggunaan radio merupakan faktor penyumbang kepada peningkatan kualiti penyertaan sosial, perumahan dan alam sekitar, manakala saluran televisyen, merupakan faktor penyumbang kepada peningkatan kualiti penyertaan sosial, keselamatan awam,

persekitaran pekerjaan, kehidupan keluarga, pendidikan dan pendapatan dan pengagihan. Penggunaan telefon bimbit menyumbang kepada peningkatan kualiti kesihatan, alam sekitar dan pengangkutan dan perhubungan atau komunikasi. Kesimpulannya, penggunaan saluran komunikasi boleh meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar sekiranya perkhidmatan tersebut dinaiktaraf seiring dengan pembangunan yang dijalankan di kawasan luar bandar. Oleh itu, pihak yang terlibat perlu mengurangkan jurang kemudahan saluran komunikasi antara masyarakat luar bandar dengan bandar agar tahap kualiti hidup mereka semakin baik.

Saluran komunikasi yang terdapat di kawasan luar bandar masih memerlukan penambahbaikan kerana terdapat saluran komunikasi yang sukar dicapai selain kosnya yang tinggi terutamanya televisyen. Berdasarkan hasil kajian ini, dicadangkan agar kajian yang akan datang terutama yang berkaitan dengan penggunaan saluran komunikasi dan kualiti hidup masyarakat luar bandar di Malaysia dijalankan dengan lebih terperinci terutamanya yang berkaitan dengan maklumat yang diperlukan untuk meningkatkan tahap kualiti hidup.

## **RUJUKAN**

- Abu Hassan, M., Hassan, M. S., Shaffril, H. A., & Jeffrey, L. (2009). Problems and obstacles in using Information and Communication Technology (ICT) among Malaysian Agro-Based Entrepreneurs. *European Journal Science Research*, 36, 93–101.
- Ariyo, O. C., Ariyo, M. O., Okelola, O. E., Aasa, O. S., Awotide, O. G., Aaron, A. J., & Oni, O. B. (2013). Assessment of the role of mass media in the dissemination of agricultural technologies among farmers in Kaduna North Local Government area of Kaduna State, Nigeria. *Journal of Biology, Agriculture and Healthcare*, 3(6), 2224– 3208.
- Azahan Awang. (2006). *Kualiti hidup masyarakat bandar di kawasan Majlis Perbandaran Seremban, Negeri Sembilan*. (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azimi, H., & Hayrol Azril, M. S. (2009). Sejarah, prinsip dan keperluan pengembangan pertanian. Dlm. Bahaman Abu Samah, Jegak Uli & Khadijah Alavi (Eds.). *Media pengembangan pertanian ke arah memperkasakan komuniti luar bandar*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Bebbington, A. (1999). A capitals and capabilities: A framework for analyzing peasant viability, rural livelihoods and poverty. *World Development*, 27(12), 2012–2044.
- Bhattacharharjee, S. (2005). *Media and mass communication an introduction*. New Delhi: Kanishka Publishing.
- Binkley, M. (2002). *Set adrift: Fishing families*. Toronto: University of Toronto Press.
- Burnell, J. D., & Galster, G. (1992). Quality of life measurements and urban size: An empirical note. *Urban Studies*, 29, 727–735.



- Calvert, G., & Henderson, H. (2000). *The Calvert-Henderson quality of life indicators*. Diakses daripada <http://www.calvert-henderson.com/>.
- Chisenga, J., Entsua-Mensah, C., & Sam, J. (2007). Impact of globalization on the information needs of farmers in Ghana: a case study of small-scale poultry farmers. Paper read at the World Library and Information Congress: 73rd IFLA General Conference and Council Durban, South Africa, 19–23 August 2007. Diakses daripada <http://www.ifla.org/iv/ifla73/index.htm>.
- Cukur, T. (2013). Determination of communication behavior of earthen pond fish farmers. *Bulgarian Journal of Agricultural Science*, 19(6), 1358–1363.
- Dhaliwal, R. K., Lopamudra, M., & Dhaliwal, H. S. (2011). ICT for agricultural dan rural development. *Journal Extension Education*, 19, 110–116.
- Djojmartono, M. & Pertiwi, S. (1998). *Present status of information technology utilization in Indonesian agriculture*. Bogor: Agricultural University.
- Dominic, D. A., & Osman, H. (2014). Meeting information needs of coca farmers in selected communities in the Eastern Region of Ghana. *Library Philosophy and Practice* (e-journal). Paper 1103. <http://digitalcommons.unl.edu/libphilprac/1103>
- Ejembi, E. P., Omoregbee, F. E. & Ejembi, S. A. (2006). Farmers' assessment of the visit extension system in central Nigeria: Evidence from Barkin, plateau state. *Journal Sosial Science*, 12(3), 207–212.
- Gatewood, J. S., & Steed, G. L. (1990). Comparison of job satisfaction in six New Jersey Fisheries. *Human Organization*, 49(1), 14–25.
- Gupta, D. K. (2005). *Modern encyclopedia of media and mass communication* (Vol.1). New Delhi: Rajat Publications.
- Hayrol Azril, M. S., Md. Salleh, H. & Bahaman, A. S. (2009). Level of agro-based website surfing among Malaysian Agricultural Entrepreneurs: A case of Malaysia. *Journal of Agriculture Extension and Social Science*, 5, 55–60.
- Irfan, M., Muhammad, S., Ali Khan, G., & Asif, M. (2006). Role of mass media in the dissemination of agricultural technologies among farmers. *International Journal of Agriculture and Biology*, 8, 417–419.
- Ku Ahmad Fataksya, K. T. (2013). *Teori hierarki keperluan Maslow menurut pandangan Islam*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Kwok, C. H. & Haris Abd Wahab. (2014). Hubungan antara angkubah sosioekonomi dan penyertaan komuniti Iban dalam program pembangunan diri. *Journal of Business and Social Development*, 2(1), 114–122.
- Li, L. (2006). Quality of life as a social representation in China: A qualitative study. *Social Indicators Research*, 75(2), 217–240.
- Lwoga, E. T. (2010). Bridging the agricultural knowledge and information divide: The case of selected telecenter and rural radio in Tanzania. *EJISDC*, 43, 1–14.

- Maddox, S. J., Mustian, R. D., & Jenkin, D. M. (2003). *Agricultural information preferences of North Carolina farmers*. Retrieved from <http://agnews.tamu.edu/saas/2003/Maddox.htm>.
- Mahat Jamal. (2015). Radio Malaysia Sabah dan radio Brunei Darussalam: Satu tujuan format penerbitan dan siaran. *Jurnal Komunikasi Borneo Edisi Khas (Konvokesyen ke-17 UMS)*, 101-115.
- Malhan, I. V., & Rao, S. (2007). Impact of globalization and emerging information communication technologies on agricultural knowledge transfer to small farmers in India. World Library & Inform. Congress, 73rd IFLA General Conference & Council, 19-23 August 2007, Durban, South Africa.
- Maslow, A. H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review*, 50, 370–396.
- Md Salleh, H., Hayrol Azril, M. S., Musa, A. H., Bahaman, A. S. & Sham, S. A. (2009). Media massa, ICT, komuniti tani dan pengembangan pertanian: Usaha ke arah memperkasakan sector pertanian di Malaysia. Dlm. Bahaman Abu Samah, Jegak Uli dan Khadijah Alavi (Eds.). *Media pengembangan pertanian ke arah memperkasakan komuniti luar bandar*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Md Salleh, H., Sulaiman, M. Y., Hayrol Azril., M. S., Mohd Shahwahid, O., Bahaman, A. S., Asnarulkhadi, A. S., & Siti, A. R. (2011). Receiving the agriculture information through mass media and interpersonal sources among the rural community. *American Journal of Agricultural and Biological Sciences*, 6(3), 451–461.
- Md Salleh, H., Musa, A. H., Bahaman, A. S., Narimah, I., & Hayrol Azril, M. S., (2008). *Use of internet among agri-based entrepreneurs in Peninsular Malaysia*. Kertas Kerja dibentangkan di International Conference Cum SEARCA Alumni Homecoming. Los Banos, Filipina.
- Mohd. Shaladdin Muda., Wan Abdul Aziz Wan Mohd Amin & Nik Wan Omar. (2006). Analisis kesejahteraan hidup nelayan pesisir. *Jurnal Kemanusiaan*, 8, 58–77.
- Mohd Azlan Abdullah., Noraziah Ali., Junaidi Awang Besar., Rosniza Aznie Che Rose., Siti Khatijah Zamhari & Zuriatun Fadzliah Sahdan. (2012). Pengetahuan dan amalan kelestarian alam sekitar di kawasan Majlis Perbandaran Sepang, Selangor. *Akademika*, 82(3), 41–48.
- Mohd Yusof, H., Mohamad Shahrudin, S., Suraiya, I., & Abd. Hair, A. (2011). Hubungan kejiranan dalam membentuk kesejahteraan hidup masyarakat ‘kampung bandar’: Kes Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space*, 7(3), 36–44.
- Muhamad Fadhil Nurdin. (2003). *Penilaian dampak pembangunan ke arah kesejahteraan masyarakat: Penilaian dampak sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor.
- Mus Chairil, S., Jamilah, M., & Norazimah, A. R. (2011). Literasi media: Ke arah melahirkan pengguna media berpengetahuan. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13(20), 41–64.

- Nathen, A. A., Selvaratnam, D. P., & Norlaila Abu Bakar. (2011). Hubungan tingkat pendapatan dan kehidupan lestari: Kerangka konseptual. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI)*, Melaka Bandar raya Bersejarah, 5-7 Jun 2011, Jilid 2(2011). 27–37.
- Nazari, M. R., & Md Salleh, H. (2011). The role of television in the enhancement of farmers' agricultural knowledge. *African Journal of Agriculture Research*, 6(4), 931–936.
- Norizan Abdul Ghani. (2003). *Kualiti hidup penduduk Pulau Negeri Terengganu: Satu kajian di Pulau Redang dan Pulau Perhentian*. (Tesis PhD tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.
- Novel, L., Bustami, M. R. & Salfrina, A. G. (2011). Persepsi kualiti hidup komuniti Bidayuh: Kajian perbandingan antara peserta dan bukan peserta program (skim pembangunan kesejahteraan rakyat) di daerah Serian, Sarawak. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space*, 7, 91–104.
- Okwu, O. J., & Daudu, S. (2011). Extension communication channels' usage and preference by farmers in Bunue State Nigeria. *Journal Agriculture Extension Rural Development*, 3, 88–94.
- Opara, U. N. (2008). Agricultural information sources used by farmers in imo state Nigeria. *Journal Information Development*, 24, 289–295.
- Prathap, D. P., & K. A. Ponnusamy. (2006). Mass media and symbolic adoption behavior of rural women. *Studies Media Inform. Literacy Education*, 6(4), 1– 6.
- Pollnac, R. B., Pomeroy, R. S., & Harkes, I. H.T. (2001). Fishery policy and job satisfaction in three Southeast Asian fisherie. *Ocean and Coastal Management*, 44, 531–544.
- Ray, G. L. (2003). *Extension communication and management*. (5<sup>th</sup> ed.) New Delhi: Kalyani Publisher.
- Renwick, R. (2006). *The quality life model*. Diakses daripada <http://www.utoronto.ca/qol/concepts.htm>.
- Rogers, E. M. (2003). *Diffusion of innovations* (5<sup>th</sup> ed.). New York: Free Press.
- Sheau, T. C. (2006). *It takes a village to raise a child: Building social capital in safe and cohesive neighbourhood*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Fatimah Abdul Rahman. (2006). *Kriteria kualiti hidup berkeluarga*. Diakses daripada <http://www.ikim.gov.my/bm/paparmedia.php?key=781>.
- Siti Ezaleila, M. & Azizah, H. (2011). Media baharu yang baharu: Trend penggunaan jaringan sosial dalam kalangan pengguna di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13(2), 93–110.
- Siti Norain, A. & Suhaida., A. K. (2013). *Kepuasan kerja: Satu pemerhatian awal kepada teori*. Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (GREDUC 2013). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Suvedi, M., Campo, S., & Lapinki, M. K. (1999). Trends in Michigan farmer's information seeking behaviors and perspective on the delivery of information. *Journal of Applied Communications*, 83(3), 33–50.

- Sulaiman, M. Y., Hayrol, A. M. S., Md. Salleh, H., Mohd Shahwahid, O., Bahaman, A. S., Asnarulkhadi, A. S., & Siti, A. R. (2011). Quality of life of the rural community: A comparison between three cities. *Journal of Social Sciences*, 7(4), 508–515.
- The World In 2005. (2005). *The economist intelligence unit's quality of life index*. Quality of Life Index.
- Unit Perancang Ekonomi. (1999). Laporan Kualiti Hidup Malaysia 1999. Jabatan Perdana Menteri. Diakses daripada <http://202.75.7.57/New%20Folder/publication/mqli99/All.pdf>.
- Unit Perancang Ekonomi. (2002). *Kualiti Hidup Malaysia*. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.
- Unit Perancang Ekonomi. (2011). *Kualiti Hidup Malaysia*. Kuala Lumpur Percetakan Kerajaan.
- Wan Norina, W. H., Zaharah, H., Ahmad, F., Mohamad, Y. & Ahmad Ariffin, S. (2013). Pengaruh media massa terhadap penampilan akhlak pelajar Islam Politeknik Malaysia. *Journal of Islamic Education*, 1(1), 17–27.
- van Dijk, J. (2006). *The network society: Social aspects of new media*. (2<sup>nd</sup> ed.). London: Sage.
- 

## PROFIL PENULIS

**Ribka Alan** kini bertugas sebagai Tutor di Jabatan Sains Sosial, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia, Kampus Bintulu, Sarawak. Beliau mempunyai kelulusan Doktor Falsafah dalam bidang Komunikasi Massa dari Universiti Putra Malaysia pada tahun 2016. Tumpuan penyelidikan beliau adalah dalam bidang komunikasi pembangunan, pengembangan pertanian dan pembangunan luar bandar.